

Cukai Individu yang Mempunyai Pendapatan Perniagaan Apakah yang Perlu Anda Tahu?

Pengenaaan cukai pendapatan bagi individu berpendapatan penggajian dapat ditentukan dengan mudah sekiranya seseorang itu mempunyai Potongan Cukai Bulanan atau PCB yang dipotong oleh majikan melalui gaji yang diterima pada setiap bulan. Jumlah pendapatan melebihi RM37,333 setahun setelah dibuat potongan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) juga boleh menjadi penanda aras penentuan pengenaaan cukai kepada individu daripada kategori ini.

Bagaimanakah pula untuk menentukan pengenaaan cukai terhadap pendapatan perniagaan bagi individu? Keuntungan daripada punca perniagaan yang diterima pada setiap bulan tidak semestinya sama jumlahnya. Jadi, apakah yang perlu anda tahu mengenai cukai individu yang mempunyai pendapatan perniagaan?

Individu yang Dikenakan Cukai Pendapatan Perniagaan

Cukai pendapatan individu boleh dikenakan kepada individu yang menjalankan perniagaan atau profesion yang mana mereka menerima kemasukan wang atau pendapatan. Mereka ini boleh terdiri daripada peniaga konvensional seperti peniaga kedai runcit dan pengusaha restoran termasuklah pengguna YouTube (YouTubers), Instagram terkenal (Instafamous), pengengaruh (influencer), pekerja bebas (freelancer), individu yang membuat ulasan berbayar (paid review) dan seumpamanya. Senarai pendapatan yang dikenakan cukai bagi individu berpendapatan perniagaan boleh dirujuk melalui pautan <https://www.hasil.gov.my/individu/pengenalan-cukai-pendapatan-individu/bila-dikenakan-cukai/>.

Bagi kategori ini, tiada pendapatan minimum ditetapkan untuk penentuan awal pengenaaan cukai. Jadi, anda perlu mendaftar fail cukai pendapatan sebaik-baik sahaja perniagaan anda didaftarkan atau profesion anda dimulakan.

Kebimbangan untuk Laport Pendapatan

Ada segelintir individu yang menolak untuk melaporkan pendapatan kepada Lembaga Hasil dalam Negeri Malaysia (HASiL) kerana bimbang perlu membayar cukai dalam jumlah yang tinggi.

Cukai pendapatan dikenakan terhadap individu pada kadar 0 peratus hingga 30 peratus bergantung pada jumlah pendapatan yang dilaporkan dan taraf mastautinnya. Hal ini bermakna, semakin tinggi pendapatan, semakin tinggi kadar cukainya. Begitu juga sebaliknya. Jadi, anda tidak perlu bimbang untuk melaporkan pendapatan.


Pendapatan bercukai boleh dikurangkan dengan menuntut kesemua perbelanjaan dan pelepasan cukai yang layak dituntut. Anda juga boleh menuntut semua perbelanjaan yang dilakukan dan semata-mata dalam menghasilkan pendapatan sebagai potongan dalam pengiraan pendapatan larasan. Namun begitu, perlu diingatkan bahawa anda tidak layak menuntut perbelanjaan persendirian atau perbelanjaan berbentuk modal.

Ikuti Langkah Ini untuk Menjadi Pembayar Cukai yang Bertanggungjawab

- Daftar nombor cukai pendapatan secara dalam talian melalui aplikasi e-Daftar melalui <https://mytax.hasil.gov.my>, sekiranya masih belum mempunyai Nombor Pengenalan Cukai.
- Laport pendapatan melalui perkhidmatan e-Filing melalui pautan <https://mytax.hasil.gov.my>. Bagi individu pemastautin yang mempunyai pendapatan perniagaan, anda perlu memilih **Borang B**. Pilih Borang M sekiranya individu tersebut bukan pemastautin.
- Bayar cukai pendapatan (sekiranya ada) menggunakan ByrHASiL melalui pautan <https://byrhasil.hasil.gov.my/>.
- Pastikan anda ingat tarikh akhir penghantaran borang cukai individu yang mempunyai pendapatan perniagaan selewat-lewatnya pada **30 Jun pada setiap tahun**. Tambahan masa diberikan sehingga **15 Julai** bagi pengguna e-Filing.
- Jika anda telah selesai laport pendapatan dan bayar cukai anda, jangan lupa untuk simpan dokumen, rekod dan akaun perniagaan bagi tempoh tujuh (7) tahun.
- Pastikan juga anda menyediakan akaun dan penyata bagi lain-lain pendapatan dan mematuhi Notis Bayaran Ansuran (CP500), iaitu bayaran pendahuluan ansuran cukai.
- Maklumkan juga secara bertulis kepada HASiL sekiranya perniagaan ditamatkan atau berlaku pertukaran ahli kongsi.



APA ITU CP500?



CP500 ialah notis anggaran cukai yang dikeluarkan oleh LHDNM.

Ia disertakan dengan jadual bayaran secara ansuran yang bermula pada bulan Mac dan selang sebulan:

Mac, Mei, Julai, September, November dan seterusnya.

NOTIS
BAYARAN
ANSURAN
CP500



JABATAN KHIDMAT KORPORAT  CORPORATE SERVICES DEPARTMENT

 www.hasil.gov.my  03-8911 1000  facebook.com/HASILMalaysia  [hasil_malaysia](https://instagram.com/hasil_malaysia)  [@HASIL_Malaysia](https://youtube.com/HASIL_Malaysia)  [@HASIL_Malaysia](https://twitter.com/HASIL_Malaysia)  [@hasil_malaysia](https://tiktok.com/@hasil_malaysia)

SUMBER: POSTER HASIL